

Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor

Zulkifli Abd. Hamid

zul_ah328@yahoo.com

Jamilah Othman

jothman@putra.upm.edu.my

Aminah Ahmad

aminah@ace.upm.edu.my

Ismi Arif Ismail

ismi@ace.upm.edu.my

Institut Pengajian Sains Sosial

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan ibubapa iaitu perbincangan, penjagaan dan komunikasi antara ibubapa dan anak di rumah hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar miskin. 180 orang pelajar miskin yang tinggal bersama keluarga di rumah di Negeri Selangor telah dipilih secara rawak bagi kajian ini. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan perbincangan ibubapa dengan anak di rumah mempunyai nilai min yang rendah iaitu 2.56, penjagaan mempunyai nilai min rendah (2.66) manakala nilai min komunikasi ibubapa dan anak di rumah pada tahap sederhana (3.33). Keputusan analisis korelasi *Pearson* pula membuktikan terdapatnya hubungan yang signifikan antara perbincangan ($r = 0.731, p < 0.01$), penjagaan ($r = 0.737, p < 0.01$) dan komunikasi ($r = 0.691, p < 0.01$) di rumah dengan pencapaian akademik pelajar. Analisis regresi pula mendapati penglibatan ibu bapa memberi sumbangan 74.5% ke atas pencapaian akademik pelajar.

Kata kunci: *Penglibatan ibu bapa, perbincangan, penjagaan, komunikasi, pencapaian akademik, pendapatan bapa*

ABSTRACT

This study aims to measure parental involvement in term of discussion, supervision and communication between parent and children at home. One hundred and eighty (180) students from poor family in Selangor state had been selected as respondents of this study. Descriptive findings revealed that discussion between parent and children at home was at medium level (mean 2.56), supervision between parent and children (min 2.6) was at low level while communication between parent and children was at medium level (mean 3.33). Result of Pearson correlation shows that discussion ($r = 0.731, p < 0.01$), supervision ($r = 0.737, p < 0.01$) and communication ($r = 0.691, p < 0.01$) at home had positive correlation with students' academic achievement. Regression analysis shows that overall parental involvement contribute to students' academic achievement (74.5%).

Key words: *Parental involvement, discussion, supervision, communication academic achievement, father income*

PENGENALAN

Keluarga merupakan institusi yang utama, kerana keluarga mempunyai peranan besar dalam melahirkan masyarakat yang harmonis, berilmu seterusnya melahirkan warga yang cemerlang dalam mencapai wawasan yang seimbang antara kemajuan dan pembangunan modal insan. Dalam institusi keluarga, ibubapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak bermula di peringkat kelahiran sehinggalah ke peringkat dewasa (Rohner, Ronald & Veneziano, 2001).). Asuhan dan didikan yang sempurna juga perhatian yang secukupnya serta kasih sayang terhadap anak-anak akan mencorakkan kehidupan anak-anak dimasa akan datang (Lain Ehmann, 2001).

Menurut Rohaty, (2003) peranan keterlibatan ibu bapa dalam proses pendidikan adalah amat penting bagi membentuk konsep sendiri anak-anak mereka. Konsep sendiri merupakan keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif atau berupa penilaian secara kognitif. Satu daripada kesan konsep sendiri ialah ke atas pencapaian akademik. Tinggi atau rendahnya pencapaian akademik adalah bergantung kepada positif atau negatifnya tanggapan konsep sendiri seseorang itu terhadap pelajaran (Ishak, 2004). Namun demikian Rohaty (2003) menyatakan ibu bapa dari keluarga miskin di Malaysia kurang memperhatikan tentang pentingnya pembentukan sendiri pada usia awal ini. Keadaan di rumah kurang merangsangkan pembelajaran di persekitaran mereka (Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Akhirnya ibu bapa kehilangan peluang untuk mengembangkan anak-anaknya secara maksima (Ishak, 2004).

Oleh itu ibubapa memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik pelajar. Kajian oleh Arnold et al. (2008) mendapati hubungan antara ibubapa dan pelajar adalah elemen utama dalam kemajuan pelajar. Bagi kajian ini ianya bagi melihat tahap keterlibatan ibu bapa dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar miskin. Kajian dilakukan ke atas 34,787 orang pelajar miskin yang berdaftar di Lembaga Zakat Selangor (LZS) (LZS, 2010). Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, masih belum terdapat satu kajian berkaitan hubungan ibubapa yang dijalankan ke atas pelajar miskin di negeri selangor. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana penglibatan ibu bapa dari segi perbincangan, penjagaan dan komunikasi dalam kalangan keluarga miskin dapat membantu proses belajar anak-anak di rumah dan sejauhmana penglibatan ibu bapa memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar. Kajian turut melihat faktor pendapatan ibubapa dalam memberikan impak ke atas hubungan keterlibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar.

PENGLIBATAN IBU BAPA DAN HUBUNGAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Candis, (2003) menyatakan ibubapa merupakan "*role model*" kepada anak-anak, dan ibubapa yang mempunyai anak-anak yang berjaya dalam akademik akan sentiasa memberi nasihat betapa pentingnya melanjutkan pelajaran ditahap yang tinggi. Pendidikan anak pada peringkat awal diperolehi di rumah, sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar di sekolah dan seterusnya. Selari dengan pernyataan tersebut Basheer (1989) dan Mohd Fadzli, (2007) menyatakan bahawa keluarga ialah asas segala pendidikan yang kukuh bagi generasi muda.

Menurut Morrison (1978) pengertian penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa, untuk membantu ibu bapa mencari kekuatan dan bakatnya serta menggunakannya bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi sangat menentukan pencapaian kanak-kanak dalam matlamat yang telah

ditetapkan oleh pihak sekolah (Houtenville dan Conway, 2008). Penglibatan ibu bapa penting digalakkan kerana memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan kejayaan akademik kanak-kanak.

Ismail Ibrahim (2002) menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam mencorakkan keperibadian anak-anak menerusi didikan yang sempurna dalam suasana yang harmoni sejak di peringkat bayi lagi hingga ke peringkat mereka memasuki alam universiti. Semuanya ini dapat diatasi dengan memberikan mereka asuhan yang betul, didikan yang sempurna, perhatian yang secukupnya dan lebih-lebih lagi kasih sayang terhadap anak-anak supaya anak-anak lebih rapat dengan ibu bapa mereka. Dengan ini, mereka akan meluahkan apa sahaja kemusykilan yang menghantuinya. Perkara ini penting dalam kehidupan anak-anak kerana mereka akan merasakan ada insan yang mengambil berat mengenai kehidupan mereka selama ini. Selain itu, jika kehidupan kekeluargaan sentiasa diberi perhatian terutamanya dikalangan ibu bapa, anak-anak berkenaan akan menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa seterusnya akan mendorong mereka untuk membalas jasa yang telah dicurahkan.

Marchant, et al., (2001) dalam kajian mereka mendapati ibu bapa merupakan faktor dalam menggalakkan anak-anak mencuba. Ibu bapa yang mengambil tahu tentang keinginan dan cita-cita anak-anak, memberikannya perangsang dan sokongan terhadap apa yang dicita-citakan oleh anak mereka, lebih berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa yang memastikan anak-anak mereka mempunyai masa yang terancang dengan memantau dan melihat apa yang anak-anak lakukan dalam masa mereka berada di rumah dan mewujudkan keadaan di rumah yang selesa untuk belajar tanpa ada banyak gangguan memberi kesan ke atas pencapaian akademik anak.

Knollman, et al., (2007) pula berpendapat bahawa para ibu bapa boleh membantu mempertingkatkan keupayaan anak-anak dalam menyelesaikan tugas di rumah dengan mengutamakan tugas anak, menunjukkan minat terhadap tugas anak, mengetahui tentang kehendak tugas anak, mengatur masa dan tempat belajar anak dan menyelesaikan tugas, mengawasi tugas harian anak serta menyemak tugas yang telah diselesaikan oleh anak.

Sementara Houtenville, et al. (2008) mengkaji penglibatan ibu bapa dalam mengawasi anak-anak. Dapatan kajian mendapati anak-anak remaja mereka akan menyiapkan kerja rumah yang diberi mengikut jadual, pencapaian yang diperolehi dalam mata pelajaran tertentu meningkat dan lebih ramai para ibu bapa mengetahui apa yang anak-anak remaja mereka belajar dalam kelas. Selain itu, para ibu bapa juga tahu bagaimana untuk membuat pemantauan, menyokong dan berbincang dengan anak-anak semasa berada di rumah.

KAEDAH KAJIAN

Seramai 180 orang pelajar sekolah menengah terlibat dalam kajian ini. Mereka dipilih secara rawak dari kalangan keluarga miskin dari beberapa sekolah menengah daripada semua daerah yang terdapat di Negeri Selangor. Tahap pencapaian akademik pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah 13 pelajar (7%) A, 31 pelajar (17%) B, 90 pelajar (50%) C, 43 pelajar (24%) D dan 3 pelajar (2%) E. Soal selidik ini mengandungi 30 item bagi mengenalpasti tahap perbincangan, penjagaan dan komunikasi ibu bapa dan anak di rumah menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Inventori Pengaruh Ibu Bapa (*Inventory of Parental Influence – IPI* Campell, 1994). Skor mengikut skala Likert, iaitu dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Item penglibatan ibubapa adalah seperti berikut: sembilan item perbincangan di rumah, lapan item penjagaan di rumah mempunyai dan 13 item komunikasi.

Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik ini dan ketiga-tiga konstruknya telah dikaji. Pengukuran kebolehpercayaan dalam soal selidik ini adalah menggunakan pekali Cronbach Alpha iaitu dari 0.70 dianggap sebagai kebolehpercayaan yang boleh diterima manakala korelasi item dengan jumlah skor yang diperbetulkan (*Corrected Item-Total Correlation*) 0.30 atau lebih di anggap sebagai kesahan yang diterima (Hair et. al 2006; Mohd Majid Konting, 1994). Dapatan analisis kebolehpercayaan dan kesahan bagi instrumen penglibatan ibu bapa kajian ini menunjukkan Cronbach Alpha keseluruhan 0.959. Manakala konstruk perbincangan 0.904 dan korrelasi item dengan skor yang diperbetulkan 0.284 hingga 0.914, kontrak penjagaan 0.918 dan korrelasi item dengan skor yang diperbetulkan adalah 0.289 hingga 0.928 dan cronbach Alpha bagi kontrak komunikasi adalah 0.865 dan korrelasi item dengan skor yang diperbetulkan 0.272 hingga 0.865. Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah mencapai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang baik.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan deskriptif berkaitan tahap penglibatan ibu bapa di rumah adalah dilaporkan pada peringkat pertama. Pada peringkat kedua pula dapatan analisis Korrelasi *pearson* diantara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar dihuraikan. Sedangkan hasil analisis regresi pelbagai bagi melihat impak faktor pendapatan ibubapa ke atas hubungan keterlibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar akan dilaporkan.

Tahap Penglibatan Ibu Bapa Pelajar Miskin di Negeri Selangor

Bahagian ini membincangkan dapatan deskriptif nilai min dan penglibatan ibu bapa di rumah yang mengandungi tiga komponen iaitu perbincangan, penjagaan dan komunikasi. Soal selidik dalam kajian ini menggunakan skala likert 1 hingga 5. Bagi mengetahui tahap nilai min bagi tiap-tiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik mengkategorikan dan menginterpretasikan skor Min ke dalam 5 tahap seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1 dibawah ini.

Jadual 1 Interpretasi Skor Purata Ke dalam 5 tahap (Skala likert 5)

Skor Purata	Interpretasi
1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.5 hingga 4.29	Tinggi
4.3 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006b). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*.

Perbincangan di Rumah

Jadual 2 menunjukkan dapatan deskriptif nilai min, sisihan piawai dan tahap bagi perbincangan di rumah. Nilai min perbincangan di rumah secara keseluruhan adalah 2.56, yang bermakna bahawa tahap perbincangan di rumah antara pelajar dengan ibu bapa ialah pada tahap rendah. Dapatan secara terperinci kedalam tiap-tiap pernyataan pula menunjukkan dua pernyataan

memeberikan nilai min pada tahap sederhana iaitu pernyataan 'Ibu bapa saya membincangkan tentang aktiviti-aktiviti sekolah dengan saya' (min 2.85) dan Ibu bapa saya berbincang keputusan ujian atau peperiksaan saya (min 3.20). Ini bermakna bahawa tahap perbincangan di rumah mengikut kedua-dua pernyataan tersebut adalah pada tahap sederhana. Namun demikian perbincangan di rumah mengikut pernyataan-pernyataan lainnya adalah pada tahap rendah

Jadual 2 Nilai min, sisihan piawai dan tahap perbincangan

No.	Perbincangan di Rumah	Min	S.P	Tahap
1.	Ibu bapa saya membincangkan tentang apa yang saya pelajari di kelas.	2.40	0.86	Rendah
2.	Ibu bapa saya membincangkan tentang aktiviti-aktiviti sekolah dengan saya.	2.85	1.02	Sederhana
3.	Ibu bapa saya menceritakan maklumat dari bahan bacaan yang telah dibaca oleh mereka kepada saya.	2.10	1.00	Rendah
4.	Ibu bapa saya membincangkan kesalahan yang saya lakukan dalam kerja-kerja sekolah saya.	2.25	0.94	Rendah
5.	Ibu bapa saya membantu dalam kerja-kerja sekolah saya.	2.55	1.07	Rendah
6.	Ibu bapa saya bersedia untuk mendengar penulisan yang saya tulis.	2.60	1.07	Rendah
7.	Ibu bapa saya berbincang keputusan ujian atau peperiksaan saya.	3.20	0.98	Sederhana
8.	Ibu bapa saya berbincang tentang program televisyen yang kami tonton bersama.	2.65	1.06	Rendah
9.	Ibu bapa saya memberi bimbingan untuk menghadapi ujian dan peperiksaan.	2.40	1.16	Rendah
Perbincangan di rumah secara keseluruhan		2.56	0.77	Sederhana

Penjagaan di Rumah

Jadual 3 menunjukkan dapatan deskriptif penglibatan ibu bapa dari segi penjagaan di rumah. Konstruk penjagaan di rumah mengandungi sembilan pernyataan. Min keseluruhan penjagaan di rumah adalah pada tahap rendah (2.66).

Jadual 3 Nilai min, sisihan piawai dan tahap penjagaan di rumah

No.	Penjagaan di Rumah	Min	S.P	Tahap
1.	Ibu bapa saya memastikan saya menyiapkan kerja sekolah.	3.05	1.07	Sederhana
2.	Ibu bapa saya menghadkan masa saya menonton televisyen pada hari persekolahan	2.55	1.16	Rendah
3.	Ibu bapa saya akan memastikan saya mempunyai tempat khas untuk membuat kerja sekolah.	2.60	0.86	Rendah
4.	Ibu bapa saya memastikan saya menghadiri kelas tambahan.	2.35	0.97	Rendah
5.	Ibu bapa saya menyelia aktiviti yang saya lakukan pada masa lapang.	2.15	0.86	Rendah
6.	Ibu bapa saya menghadkan masa saya bermain dengan rakan-rakan.	2.65	1.16	Rendah
7.	Ibu bapa saya memastikan rumah sentiasa senyap agar saya boleh belajar dan mengulang kaji pelajaran.	2.40	0.80	Rendah
8.	Ibu bapa saya memastikan saya mempunyai jadual waktu belajar di rumah	2.20	0.81	Rendah
Penjagaan secara keseluruhan		2.66	0.77	Rendah

Dapatan ini bermakna penjagaan ibu-bapa di rumah adalah pada tahap rendah dan masih perlu untuk dipertingkatkan. Dilihat secara terperinci pula menunjukkan semua pernyataan penjagaan ibu bapa adalah pada tahap rendah kecuali penjagaan dari segi pernyataan 'Ibu bapa saya memastikan saya menyiapkan kerja sekolah' (min 3.05) yang berada pada tahap sederhana.

Komunikasi di Rumah

Jadual 4 menunjukkan dapatan deskriptif penglibatan ibu bapa dari segi komunikasi di rumah. Dapatan menunjukkan nilai min komunikasi di rumah secara keseluruhan adalah 3.33. Nilai min tersebut bermakna bahawa komunikasi ibu bapa dan pelajar di rumah adalah pada tahap sederhana. Dapatan secara terperinci pula menunjukkan dua pernyataan komunikasi di rumah berada pada tahap tinggi iaitu pernyataan 'ibu bapa saya memberitahu saya tentang kepentingan belajar untuk masa depan' (min 3.86), Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk tekun belajar (min 3.60), Ibu bapa saya menasihatkan saya supaya berusaha mendapatkan markah terbaik dalam ujian atau peperiksaan (min 3.52), Ibu bapa saya memberitahu harapannya untuk melihat saya menjejakkan kaki ke universiti (min 3.66), Ibu bapa saya memberikan nasihat dan kesedaran untuk belajar bersungguh-sungguh untuk masa depan saya (min 3.80) dan Ibu bapa saya memberitahu bahawa mereka ingin melihat saya lulus cemerlang dalam ujian atau peperiksaan (min 3.92). Ini bermakna bahawa tahap komunikasi ibu bapa dengan anak di rumah dari segi pernyataan tersebut adalah pada tahap yang tinggi. Sedangkan tujuh pernyataan lainnya berada pada tahap sederhana

Jadual 4 Nilai min, sisihan piawai dan tahap Komunikasi di Rumah

No.	Komunikasi di Rumah	Min	S.P	Tahap
1.	Ibu bapa saya memberitahu saya tentang kepentingan belajar untuk masa depan.	3.86	0.92	Tinggi
2.	Ibu bapa saya mengingatkan saya untuk tekun belajar	3.60	0.97	Tinggi
3.	Ibu bapa saya menggalakkan saya untuk mengambil kelas tuisyen.	2.83	1.03	Sdh
4.	Ibu bapa saya menggalakkan membaca bahan pembelajaran tambahan untuk menambahkan pengetahuan saya	2.90	1.14	Sdh
5.	Ibu bapa saya sentiasa memberi galakan kepada saya supaya mengulang kaji pelajaran.	3.16	1.07	Sdh
6.	Ibu bapa saya menggalakkan saya membuat banyak latihan bagi setiap mata pelajaran.	2.99	0.84	Sdh
7.	Ibu bapa saya memberitahu tentang keyakinannya terhadap kebolehan saya.	3.25	1.05	Sdh
8.	Ibu bapa saya menasihatkan saya supaya berusaha mendapatkan markah terbaik dalam ujian atau peperiksaan.	3.52	0.89	Tinggi
9.	Ibu bapa saya meluahkan perasaan bangganya apabila prestasi pelajaran saya meningkat.	3.16	1.07	Sdh
10.	Ibu bapa saya memberitahu harapannya untuk melihat saya menjejakkan kaki ke universiti.	3.66	0.97	Tinggi
11.	Ibu bapa saya berjanji akan memberikan hadiah apabila saya lulus cemerlang dalam ujian atau peperiksaan.	2.61	0.99	Sdh
12.	Ibu bapa saya memberikan nasihat dan kesedaran untuk belajar bersungguh-sungguh untuk masa depan saya.	3.80	0.75	Tinggi
13.	Ibu bapa saya memberitahu bahawa mereka ingin melihat saya lulus cemerlang dalam ujian atau peperiksaan.	3.92	0.84	Tinggi
Komunikasi di rumah secara keseluruhan		3.33	0.60	Sdh

Sdh: sederhana

Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik

Analisis korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis hubungan antara Perbincangan, Penjagaan, Komunikasi, pencapaian akademik korrelasi *Pearson* telah digunakan. Korrelasi pearson sesuai digunakan untuk data yang berkesinambungan (*continues*), nilai purata atau data nisbah (Chua Yan Piaw, 2006: 158: Pallant, 2007: 126). Daripada Jadual 5 terdapat hubungan yang signifikan pada tahap tinggi diantara perbincangan ($r = 0.772$ dan $sig. = 0.00 < .01$), penjagaan ($r = 0.739$ dan $sig. = 0.00 < .05$), komunikasi ($r = 0.856$ dan $sig. = 0.00 < .01$) dan penglibatan ibu bapa secara keseluruhan ($r = 0.811$ dan $sig. = .000 < .01$) dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Hubungan diantara tahap penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik

Hubungan antara Dua Pemboleh Ubah	Nilai r	Sig.	Tahap
Perbincangan dengan pencapaian akademik pelajar	0.772	000.	Tinggi
Penjagaan dengan pencapaian akademik pelajar	0.739	000.	Tinggi
Komunikasi dengan pencapaian akademik pelajar	0.856	000.	Tinggi
Penglibatan Ibumbapa keseluruhan dengan pencapaian akademik	0.811	000.	Tinggi

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Penglibatan ibu bapa dalam perbincangan, komunikasi dan penjagaan memberi impak positif terhadap pencapaian akademik pelajar. Rice dan Kobak (dalam Shahizan Hassan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin, 2004), pengkaji berpendapat walaupun remaja dikatakan menghabiskan lebih banyak masa bersama rakan-rakan berbanding ibu bapa, namun hubungan yang mesra di antara ibu bapa dengan anak dianggap penting dalam proses perkembangan remaja. Mereka memerlukan sokongan daripada ibu bapa supaya menjadi lebih berdikari dan Cekal. (Azizi Hj. Yahaya & Nalini A/P Madavan, 2006).

Kajian ini mendapati tahap penglibatan ibu bapa dari segi perbincangan di rumah antara pelajar dan ibu bapa ialah pada tahap sederhana. Dapatan ini menggambarkan bahawa perbincangan di rumah yang dilakukan diantara pelajar dan ibu bapa masih perlu dipertingkatkan secara sungguh-sungguh. Secara terperinci ibu-bapa kurang membincangkan pelajaran di kelas, menceritakan maklumat dari bahan bacaan yang telah dibaca, membincangkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam kerja-kerja sekolah, membantu dalam kerja-kerja sekolah pelajar, kurang bersedia untuk mendengar penulisan anak dan kurang berbincang tentang program televisyen yang di tonton bersama.

Dapatan penglibatan ibu bapa dari segi penjagaan di rumah pula adalah pada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa penjagaan di rumah oleh ibu bapa tidak dilakukan dengan baik. Oleh itu ibu-bapa pelajar dan pihak sekolah perlu mengambil berat dalam hal ini. Secara terperinci pula ibu bapa lemah melakukan penjagaan dari segi menghadkan masa anak menonton televisyen pada hari persekolahan, memastikan anak mempunyai tempat khas untuk membuat kerja sekolah, memastikan anak menghadiri kelas tambahan, menyelia aktiviti yang dilakukan anak pada masa lapang, menghadkan masa anak untuk bermain dengan rakan-rakan, memastikan rumah sentiasa senyap agar anak boleh belajar dan mengulang kaji pelajaran, memastikan anak mempunyai jadual waktu belajar di rumah.

Penglibatan ibu bapa dari segi komunikasi ibu bapa dan pelajar di rumah adalah pada tahap sederhana. Oleh itu komunikasi diantara ibubapa dan pelajar di rumah harus lebih digalakkan lagi. Dapatan secara terperinci menunjukkan ibu bapa kurang menggalakkan anaknya untuk mengambil kelas tuisyen, membaca bahan pembelajaran tambahan untuk menambahkan pengetahuan, mengulang kaji pelajaran dan membuat banyak latihan bagi setiap mata pelajaran. Ibu bapa jarang memberitahu tentang keyakinannya terhadap kebolehan anak, menasihatkan anak supaya berusaha mendapatkan markah terbaik dalam ujian atau peperiksaan, meluahkan perasaan bangganya apabila prestasi pelajaran anaknya meningkat, berjanji akan memberikan hadiah apabila anaknya lulus cemerlang dalam ujian atau peperiksaan, memberikan nasihat dan kesedaran untuk belajar bersungguh-sungguh untuk masa depan dan memberitahu bahawa mereka ingin melihat anaknya lulus cemerlang dalam ujian atau peperiksaan.

Azizi Hj. Yahaya & Nalini A/P Madavan, (2006) menyatakan corak didikan ibu bapa adalah aspek utama yang memberi kesan mendalam terhadap perkembangan fizikal, mental dan sosial seseorang individu. Secara tidak langsung ia membentuk personaliti seseorang individu. Ini bermakna ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa perlu melengkapkan diri dalam bidang keibubapaan untuk membentuk diri dan jiwa anakanak ke arah kebaikan. Tingkah laku ibu bapa akan dapat mempengaruhi jiwa anak anak.

Anak-anak remaja khasnya pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin di sekolah akan mengakibatkan penurunan prestasi dalam pelajaran. Sememangnya secara logik dapat dilihat perkaitan yang ketara antara disiplin dengan pencapaian akademik. Sebagaimana kajian Othman (dalam Oskasmazila, 2000) yang dijalankan kepada 723 sampel dari sepuluh buah sekolah di daerah Johor Bahru. Dapatan beliau menunjukkan bahawa suasana keluarga murid-murid mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap tingkah laku akademik mereka. (Azizi Hj. Yahaya & Nalini A/P Madavan, 2006).

Hubungan antara Penglibatan Ibu-Bapa dengan Pencapaian Akademik

Kajian ini mendapati bahawa penglibatan ibu bapa iaitu perbincangan, penjagaan dan komunikasi, mempunyai perkaitan yang positif dengan pencapaian akademik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Azizi Hj. Yahaya & Nalini A/P Madavan, (2006) yang mendapati hubungan yang signifikan antara faktor hubungan kekeluargaan yang baik akan memberikan kesan pencapaian akademik yang semakin baik. Demikian pula sebaliknya faktor hubungan kekeluargaan yang renggang akan memberikan kesan pencapaian akademik yang semakin lemah pula. Namun kajian tersebut tidak mendapati hubungan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan lepak (persekitaran) dengan pencapaian akademik. Masih dalam Azizi Hj. Yahaya & Nalini A/P Madavan, (2006) mendapati hubungan yang signifikan antara peranan ibu bapa sebagai contoh tauladan dengan pencapaian akademik. Demikian pula dengan kajian Hayati Mohammad (1998) yang melihat hubungan antara sokongan sosial dengan penghargaan sendiri dan penegaruhnya terhadap pencapaian akademik. Kajian beliau mendapati secara keseluruhannya sumber sokongan dari ibu bapa, rakan-rakan dan ahli keluarga tidak mempengaruhi pencapaian akademik seorang pelajar. Jelasnya, implikasi daripada kajian-kajian hubungan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian bahawa penglibatan ibu bapa membantu meningkatkan pencapaian dan penguasaan ilmu pengetahuan bagi pelajar.

Analisis sumbangan secara mendalam pula menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa memberikan sumbangan secara nyata dan langsung ke atas pencapaian akademik pelajar, sedangkan pendapatan

bapa mengawal (moderate) hubungan liner diantara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan analisis sumbangan ini juga memberikan bukti kuat bahawa keterlibatan ibubapa dan status sosio ekonomi memberikan sumbangan yang signifikan terhadap peningkatan tahap pengetahuan akademik pelajar mereka melalui pelbagai bentuk.

KESIMPULAN

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana penglibatan ibu bapa dalam kalangan keluarga miskin membantu proses belajar anak-anak remaja di rumah dan sejauhmana penglibatan ibu bapa memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar. Dapatan deskriptif menunjukkan tahap perbincangan dan komunikasi di rumah antara pelajar dengan ibu bapa ialah pada tahap sederhana, sedangkan penjagaan ibu-bapa terhadap anak-anak mereka di rumah adalah pada tahap rendah. Keputusan analisis hubungan yang diperolehi menunjukkan hubungan yang signifikan diantara penglibatan ibu-bapa dari segi perbincangan, penjagaan, komunikasi ke atas pencapaian akademik pelajar. Analisis regresi pula menunjukkan penglibatan ibu bapa secara keseluruhan memberikan sumbangan ketas pencapaian akademik pelajar sedangkan pendapatan bapa memainkan peranan dalam hubungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Daripada keputusan yang diperolehi ini, satu rumusan umum yang boleh dibuat ialah, untuk menghasilkan remaja yang mempunyai pencapaian yang tinggi, ibu bapa haruslah membina perbincangan, penjagaan dan komunikasi dengan anak-anak mereka di rumah.

RUJUKAN

- Arnold, D.H., Zeljo, A. & Doctoroff, G.L. (2008). Parent involvement in preschool: Predictors and the relation of involvement to preliterary development. *School Psychology Review*, 37(1), 74-90.
- Azizi Hj. Yahaya dan Nalini A/P Madavan (2006) Faktor-Faktor Lepak dan hubungan Keibubapaan di kalangan Pelajar Remaja Di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Campbell, J.R. (1994). *Inventory of Parental Influence (IPI), Parent Version*. Diperoleh Julai 20, 2009 daripada <http://www.rohan.sdsu.edu/mstover/tests/touliators/html>
- Candis, Y.H. (2003). *The Home Environment of Gifted Puerto Rican Children*. Diperoleh Mac 3, 2008 daripada <http://www.ncela.gwu.edu/ncbepubs/symposia/third.html>
- Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan Buku 2. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd
- Conway, J. (2003). *Parental involvement in school can work wonders for children*. Retrieved December 5, 2010 from the website <http://www.ahwatukee.com/afn/opinion/editorial/010815e.html>. (5 Disember 2010).
- Hayati Mohamad (1998). Hubungan antara sokongan sosial dengan penghargaan sendiri dan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Houtenville, A., & Conway, K. (2008). Parental effort, school resources, and student achievement. *Journal of Human Resources*, 43, 437-453.
- Houtenville, A., & Conway, K. (2008). Parental effort, school resources, and student achievement. *Journal of Human Resources*, 43, 437-453.
- Ishak Mad Shah (2004). Konsep sendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: melihat sejauhmana gaya kepimpinan ibu bapa sebagai moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(E), 33-44.
- Ismail Ibrahim (2002). *Disiplin Keluarga Jadi Penentu*. Diperoleh pada Julai 22, 2010 daripada <http://www.cikgu.net.my/malay/berita/moreberita>.

- Knollman, M., & Wild, E. (2007). Quality of parental support and students' emotions during homework: Moderating effects of students' motivational orientations. *European Journal of Psychology of Education*, 22, 63-76.
- Lain Ehmann. (2001). The Importance Of Touch. Arribella (The magazine of today's woman) Lembaga Zakat Selangor. <http://web.e-zakat.com.my/baru/sistem/berita2/baca>, Dicapai pada 22hb Januari 2010.
- Marchant, G. J., Paulson, S. E., dan Rothlisberg, B. A. (2001). Relations of middle school students' perceptions of family and school contexts with academic achievement. *Psychology in the Schools*, 38, 505 -519.
- Mohd Fadzli Abu Bakar, (2007) *Hubungan Antara Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan Tingkah laku Positif di Kalangan Pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Di Johor Bharu*. Thesis UTM (Fakulti Pendidikan UTM).
- Morrison, G.S. (1978). *Parent involvement in the home, school and community*. Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company.
- Oskasmazila Osman, (2000). "Hubungan Antara Amalan Keibubapaan Dengan Masalah Sosial di Kalangan Pelajar Diploma Sains". Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Pallant, J. 2007. *A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows (version 12)*, Open University Press, Buckingham, Philadelphia.
- Rohaty Mohd Majzub. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran Kualiti* (Syarahan Perdana). Bangi: Penerbitan Malindo Sdn. Bhd.
- Rohner, Ronald P. dan Veneziano, R.A. (2001). *The Importance of Father Love: History and Contemporary Evidence*. American Psychological Association.
- Shahizan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin, (2004). *Intrapersonal & Interpersonal untuk Remaja*. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distributors.

BIODATA PENULIS

Zulkifli Abd. Hamid (PhD) merupakan seorang Pengurus Di Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Mendapat Ijazah Bachelo dalam bidang Pengurusan di Universiti Utara Malaysia. Menerima Ijazah Master Sains dalam Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2007, dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan, dan pembangunan Komuniti di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2011.

Jamilah Othman (PhD) adalah seorang pensyarah di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, dan Ketua Laboratori Pengajian Perubahan Sosial, Ekonomi dan Keamanan di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia.

Aminah Ahmad (PhD) adalah Professor dalam bidang Gender dan Pembangunan, dan Penyelaras Unit Pengajian Wanita di Universiti Putra Malaysia.

Ismi Arif Ismail (PhD) adalah Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan. Pengkhususan dalam bidang Pendidikan Lanjutan.